

PRODUKTIVITI VS PENGARCA DI MALAYSIA

PRODUCTIVITY VS SCULPTOR IN MALAYSIA

Syed Alwi Syed Abu Bakar

Sabzali Musa Kahn

Mina Hedayat

Pegah Jahangiri

Abstrak

Penyelidikan ini bertujuan menganalisis isu produktiviti empat pengarca muda di Malaysia. Produktiviti merupakan nisbah output per unit input, namun output sukar diukur kerana tidak boleh menetapkan satu piawai untuk mengukur kualiti bagi seseorang pengarca. Di Malaysia, masih belum terdapat kajian berkaitan dengan produktiviti penghasilan seni arca oleh pengarca. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti cara pengukuran produktiviti yang terbaik bagi pengarca serta mengkaji hubungan kecekapan pengarca dengan pekerjaan pengarca. Penyelidik menggunakan empat pengarca muda sebagai kes kajian, produktiviti diukur melalui kecekapan dan keberkesanan dalam menghasilkan arca. Kecekapan adalah pengukuran nisbah arca dengan jumlah kos, dan keberkesanan merujuk kepada sejauhmana pengarca memenuhi keperluan masyarakat. Pengarca juga tidak mengambil berat dalam perkara yang berkaitan dengan produktiviti. Hasil kajian mendapati secara relatifnya, produktiviti pengarca di Malaysia agak rendah apabila kecekapan pengarca hanya digunakan dalam bidang pembuatan. Hampir semua pengarca menghadapi masalah dalam urusan pengurusan keseluruhan operasi mereka.

Kata kunci: produktiviti, pengarca, keberkesanan dan kecekapan.

Abstract

This research is to analyze an issue on productivity of four young sculptor in Malaysia. Productivity means a ratio per unit, however output cannot be measure accurately to state the standard and quality of output of each sculptor. There are no research has done on the productivity and output of sculptors artwork before. Thus, this research is to identified the best way to measure the sculptor productivity and output and to state the relationship among the efficiency of the sculptor's work. Investigator identified four young sculptors as a subject of this research. Sculptor productivity can be measure through their efficiency and effectiveness in producing their sculpture. Efficiency is a measurement of the ratio of the total cost of their sculpture as for effectiveness refer to how the sculptor creates their work to meet the community needs. Sculptor ignored on the productivity of their artwork. This research shows that sculptor in Malaysia has low productivity in producing their artwork and they focus more on the creation of the sculpture. Most of the sculptor in Malaysia face problem in managing their overall operation.

Keywords: *productivity, sculptor, effectiveness and efficiency.*

Pengenalan

Pengetahuan dan kemahiran seseorang dalam bidang yang diceburi sangat penting. Ianya juga merupakan satu keperluan untuk kita terus maju bagi membentuk sosio budaya sebuah negara pada masa hadapan. Mana-mana negara yang menguasai ilmu dan kemahiran, sudah pasti mereka akan terus maju. Mereka juga boleh menjadi negara contoh pada masa sekarang mahupun masa hadapan. Oleh itu, ilmu dan kemahiran ini menjadi aras prestasi sebuah negara untuk terus maju dalam era globalisasi. Malahan, Imam Ghazali telah menyebut dalam kitab *Ihya' Ulumiddin* jilid 1, Rasul S.A.W bersabda;

“Menuntut ilmu itu wajib atas tiap-tiap muslimin”

Penyataan di atas jelas menunjukkan Islam menuntut setiap umatnya menuntut ilmu dan menguasai sesuatu kemahiran. Dengan adanya ilmu dan kemahiran tersebut, sudah pasti mereka akan terus

maju dalam dunia yang kian mencabar serta penuh dengan persaingan dalam era globalisasi tanpa sempadan.

Kamus Oxford Advanced Learner's Dictionary (2005) mendefinisikan pendidikan sebagai satu; proses pengajaran, latihan dan pembelajaran. Pendidikan dapat membentuk manusia menjadi lebih bertamadun. Pendidikan merupakan satu proses mencari dan memperolehi pengetahuan. Dengan adanya ilmu dan kemahiran manusia boleh mengubah diri, masyarakat dan budaya sesuatu kaum. (Zailan dan Sh. Azab, 2007).

Bidang seni visual juga tidak terkecuali dari ilmu pengetahuan. Untuk menceburi bidang ini, seseorang itu perlu mempunyai ilmu dalam bidang yang berkaitan dengannya. Seni visual terbahagi kepada empat disiplin utama iaitu catan, cetak, arca dan lukisan. Namun kebelakangan ini seni visual bersifat lebih universal. Seni visual tidak lagi terikat dengan disiplin tertentu. Malahan terdapat kepelbagai disiplin dalam seni visual pada masa sekarang. Oleh itu, bidang seni visual merupakan satu bidang yang mencabar dari segi ilmu maupun kemahiran pada masa sekarang.

Seni arca juga termasuk dalam bidang seni visual. Mereka yang terdiri secara individu maupun kumpulan yang terlibat dalam bidang seni arca dikenali sebagai pengarca. Pengarca merupakan satu kelompok kecil yang terdapat masyarakat di Malaysia. Kebanyakan daripada mereka bergerak secara sendirian. Namun begitu kerajaan Malaysia telah melakukan berbagai program dan dasar untuk mengembangkan aktiviti kesenian. Dasar Pendidikan Negara, Dasar Industri Kreatif Negara (2011) dan Rang Undang-Undang Balai Seni Visual Negara telah diwujudkan oleh kerajaan. Apa yang dilakukan ini adalah untuk mempertingkatkan kualiti dan produktiviti pengiat seni tanahair, dan ini termasuklah golongan pengarca. Walau bagaimanapun pengarca perlu bijak mengambil peluang dari semua aktiviti yang telah disediakan.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, arca membawa maksud;

'patung yg menyerupai seseorang atau sesuatu (terutama dibuat drpd kayu, batu, dsb): memahat ~ seorang tokoh terkenal di dunia;'

Seni arca merupakan satu disiplin dalam bidang kesenian, dimana seni arca merupakan karya seni yang berbentuk tiga dimensi. Ianya boleh disentuh dan boleh dilihat dalam ruang 360°. Arca juga merupakan satu objek fizikal dengan pengolahan bahan dan teknik tertentu. Arca adalah satu objek kreatif, dimana ia berdasarkan kepada kreativiti dan inovasi seseorang pengarca.

Objektif Kajian

Kajian ini cuba merungkai dua persoalan, iaitu:

- (i) Bagaimana mengukur produktiviti dalam bidang pengarcaan?
- (ii) Sejauh manakah tahap produktiviti pengarca di Malaysia?

Sepanjang penelitian pengkaji, tiada sebarang kajian dilakukan untuk mengenalpasti hubungan antara produktiviti dengan pekerjaan pengarcaan. Kebanyakan kajian lepas lebih menjurus kepada penerangan istilah “arca” serta hasil karya yang dihasilkan oleh pengarca atau kajian yang menumpu kepada seseorang pengarca.

Disebabkan perkataan “produktiviti” adalah perkataan yang subjektif, maka adalah amat sukar untuk menafsirkannya secara tepat. Perkataan produktiviti merupakan satu perkataan yang terlalu umum. Secara ringkasnya produktiviti (nilai) adalah kos (*input*) dibahagi dengan pengeluaran (*output*). Dalam bidang pengarcaan pengeluaran adalah ‘karya akhir’ dan kos pula adalah ‘proses’.

Namun yang menjadi persoalannya disini, bagaimana untuk mengukur karya akhir dan proses dalam bidang pengarcaan. Oleh itu, apakah ‘nilai’ dalam persamaan produktiviti pengarca? Nilai adalah kualiti, ianya perlu ditentukan oleh setiap individu. Secara umumnya

produktiviti yang dipersetujui umum adalah nilai bersamaan input bagi output ($\text{Nilai}=\text{input}/\text{output}$). Bagi menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan, objektif kajian ini adalah untuk melihat produktiviti bagi pengarca di Malaysia, serta melihat hubungan antara kecekapan sistem pengurusan pengarca dengan pekerjaan pengarca.

Penyataan Masalah

Produktiviti pengarca merupakan suatu perkara yang amat penting dalam urusan penghasilan sesebuah arca. Pengarca perlu mengambil berat terhadap produktiviti bagi memastikan mereka mendapat pulangan dari hasil usaha mereka.

Produktiviti Pengarca

Penyelidikan tentang produktiviti dalam bidang pengarcaan ini merupakan sesuatu yang baru. Isu ini tidak pernah dibincangkan oleh mana-mana pengkaji sebelum ini di Malaysia. Kebanyakan kajian lebih menumpukan kepada kepakaran dan biografi pengarca dalam penghasilan karya kreatif. Ini termasuklah para ilmuan yang berkecimpung dalam bidang kesenian.

Kebelakangan ini, isu ketidakpuasan hati juri dalam Bakat Muda Sezaman dari tahun 2000 hingga 2010 mula menarik perhatian masyarakat seni. Mereka mula menyedari tentang kelemahan pengarca Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini akan menumpukan kepada analisis tentang produktiviti pengarca. Penyelidik berharap agar dapat menimbulkan kesedaran masyarakat seni tentang pentingnya produktiviti dalam bidang kesenian.

Maklumat dari Jabatan Seni Halus, UiTM Seri Iskandar, Perak kemasukkan pelajar dalam bidang seni halus adalah seramai 20 ke 25 orang bagi setiap semester dari tahun 2005 hingga 2011. Bagaimanapun hanya 10-15 orang sahaja yang melanjutkan pelajaran

ke peringkat yang lebih tinggi selebihnya memilih bidang perguruan dan disiplin lain.

Berdasarkan maklumat yang didapati daripada laman web Kementerian Penerangan, Komunikasi & Kebudayaan (Julai, 2012), melalui Dasar Industri Kreatif Negara 2011 (DIKN2011) jumlah rakyat malaysia yang terlibat dalam bidang kesenian adalah 4% atau 1000147 orang sahaja dari keseluruhan penduduk malaysia yang melebihi 28 juta. Balai Seni Visual Negara pula menyatakan hanya terdapat 24 orang pengarca muda sahaja di Malaysia iaitu sekitar 0.00008% dari jumlah penduduk Malaysia. Situasi ini telah menunjukkan bahawa Malaysia sedang mengalami krisis dalam bidang pengarcaan. Oleh itu, kajian ini penting sebagai satu panduan kepada pihak berkuasa untuk mengatasi masalah kekurangan pengarca di Malaysia.

Guna tenaga dalam industri kreatif Malaysia dianggarkan sebanyak 0.4% (45301) pekerjaan, manakala bagi Singapura pula 3.4%. Keadaan ini menunjukkan produktiviti pengiat seni di Malaysia masih rendah. Ini merupakan peluang bagi pengiat seni untuk terus meningkatkan kualiti dan produktiviti mereka. Oleh itu, guna tenaga dalam industri kreatif perlu ditingkatkan kepada 3%-5%. Barulah ianya boleh dikatakan mencapai tahap produktiviti yang baik.

Penyelidikan ini terbahagi kepada lima bahagian iaitu bahagian pertama yang merupakan pengenalan kepada kajian. Bahagian kedua adalah sorotan literatur yang menyentuh tentang produktiviti dan pengukuran produktiviti. Kaedah dan metodologi kajian akan dibincangkan dalam bahagian ketiga dan bahagian keempat akan membincangkan analisis data-data yang diperolehi. Kesimpulan dapatan kajian pula akan bincangkan pada bahagian kelima.

Sorotan Literatur

Produktiviti dan ekonomi merupakan dua perkara yang saling berkait antara satu sama lain. Ia merupakan satu sikap atau keperluan manusia

dalam memenuhi kehendak dan keperluan. Kehendak merupakan satu perkara yang tidak mempunyai sempadan namun untuk memenuhi keperluan kehendak adalah sangat terhad. Di sinilah peranan produktiviti dalam mengimbangi keperluan dan kehendak. Apabila produktiviti meningkat maka hasilnya juga akan meningkat. Ini secara tidak langsung dapat memenuhi keperluan. Produktiviti merupakan satu ejen yang dapat meningkatkan kualiti dan mengurangkan pembaziran. Produktiviti bukanlah sesuatu yang tidak disengajakan, ia adalah suatu kebijaksanaan dalam merancang dan hasil daripada komitmen yang telah diberikan.

Produktiviti boleh disamakan dengan masa atau nilai. Produktiviti yang baik adalah meningkatkan nilai yang dicipta dan mengurangkan masa yang diperlukan untuk mewujudkan nilai. Produktiviti juga melibatkan faktor-faktor lain seperti tenaga dan sumber. Namun masa dan nilai merupakan dua perkara yang merangkumi tenaga dan sumber. Masa merupakan satu perkara yang mudah untuk dikira terutamanya apabila dibuat perbandingan. Nilai merupakan kualiti di mana ia ditentukan oleh setiap individu berdasarkan kepada pengalaman dan persekitaran seseorang. Apabila seseorang itu berpengalaman maka kualiti yang dihasilkan juga pastinya akan lebih baik dari yang kurang berpengalaman. Begitu juga dengan persekitaran, apabila persekitaran kondusif, infrastruktur mudah diperolehi juga akan meningkatkan kualiti dan produktiviti.

Produktiviti mempunyai pelbagai pendefinisian, Moseng dan Rolstada (2001), menyatakan produktiviti merupakan satu keupayaan untuk memenuhi keperluan masyarakat dengan menggunakan bilangan input yang minimum. Secara ringkasnya “*output*” lebih penting dari “*input*”. Dengan cara meningkatkan “*output*” dengan “*input*” yang minimum akan dapat meningkatkan produktiviti. Globadian dan Husband (1990), membahagikan produktiviti kepada tiga bidang. Pertama, produktiviti dalam bidang teknologikal, kedua melalui bidang kejuruteraan dan ketiga adalah bidang ekonomi. Dalam bidang teknologikal ianya adalah hubungan antara nisbah output dengan input yang digunakan dalam proses pengeluaran. Dalam bidang kejuruteraan pula beliau

menjelaskan produktiviti adalah sesuatu hubungan antara output yang boleh dihasil dengan output potensi dalam sesuatu proses dan konsep. Manakala dalam bidang ekonomi pula, produktiviti merupakan kecekapan dalam agihan sumber-sumber. Gates dan Stone (1997) juga memberi pendefinisan yang sama iaitu membahagikan produktiviti kepada dua dimensi, iaitu kecekapan dan keberkesanannya. Mereka menjelaskan kecekapan merupakan tahap atau kualiti bagi perkhidmatan yang didapati daripada sejumlah input yang tertentu. Keberkesanannya pula, sejauhmana ia dapat memenuhi kehendak orang ramai.

Produktiviti merupakan satu perkataan multi-dimensi, dalam bidang pengarcaan nilai yang paling utama adalah keberkesanannya keatas karya arca yang dilahirkan. Produktiviti pengarcaan ialah berapa dan apa yang boleh diperolehi oleh pengarca dan masyarakat dengan sejumlah input yang diberikan kepada sektor berkenaan. Produktiviti dalam bidang pengarcaan juga boleh ditafsirkan sebagai pertambahan kualiti pengarca berbanding dengan kos per unit arca serta keberkesanannya karya arca tersebut. Kualiti arca adalah output dan kos per unit serta nilai arca adalah input. Dalam bidang pengarcaan, penilaian untuk produktiviti tidak boleh hanya melihat dengan pertambahan atau pengurangan kos atau pertambahan atau pengurangan jumlah penghasilan arca semata-mata. Ini adalah disebabkan bidang seni merupakan satu hasil produk kreatif yang mana tidak dikeluarkan secara pukal ia hanya dihasilkan berdasarkan permintaan dan keperluan. Justeru itu, persoalan produktiviti dalam bidang pengarcaan adalah sejauh manakah penerimaan masyarakat terhadap karya mereka. Pengarca juga perlu memupukkan tenaga kerja yang secekap mungkin dan pada masa yang sama dapat meminimumkan kos perbelanjaannya. Konsepnya mudah tetapi masalahnya ialah sukar untuk mengukurkannya “kualiti pengarca”. Bidang ini tidak mempunyai satu sistem yang jelas dan ia merupakan sesuatu yang bersifat subjektif.

Sekiranya kuantiti dipentingkan berbanding kualiti, kecekapan berbanding keberkesanannya untuk mengukur tahap produktiviti dalam bidang pengarcaan. Implikasinya, kualiti dalam bidang pengarcaan akan

dipertikaikan oleh masyarakat.

Di Malaysia, belum terdapat penyelidikan tentang produktiviti dalam bidang pengarcaan. Sebaliknya, banyak penyelidik cuba menghasilkan kerangka untuk mengukur kehebatan pengarca atau karya yang dihasilkan. Secara keseluruhannya, isu produktiviti dalam bidang pengarcaan masih tidak dapat menarik perhatian orang ramai, namun, penyelidikan sebegini sebenarnya adalah amat perlu. Ini kerana, adalah penting untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap produktiviti bagi pengarca. Pertandingan Bakat Muda Sezaman dari tahun 2000 hingga 2010 menjelaskan bertapa pentingnya keperluan kualiti dan produktiviti dalam bidang pengarcaan. Joseph Tan berkata dalam Pertandingan Bakat Muda Sezaman pada tahun 2000;

‘Secara keseluruhan pertandingan Bakat Muda Sezaman pada tahun tersebut tidak mengambarkan hasil karya yang terbaik’

Ketidakpuasan hati juri ini boleh didengari hampir setiap tahun. Pada tahun 2010, Pushpamalar Narasingarao yang merupakan salah seorang juri Bakat Muda Sezaman dari India menyatakan;

‘Meskipun kami semua fikir tahap kualiti secara umum sepatutnya lebih tinggi....’

Apabila kualiti tidak diambil berat oleh pengarca maka keberkesanan arca tersebut akan terjejas. Seterusnya apabila keberkesanan terjejas produktiviti pengarca akan terganggu. Keadaan inilah yang menyebabkan bidang pengarcaan terus terpinggir dan dipinggirkan.

Metodologi

Pengukuran produktiviti dalam industri pengarcaan memerlukan kriteria tertentu bagi mengukur kecekapan dan keberkesanan dalam penghasilan karya seni arca dan pengarca. Pengarcaan merupakan satu

bidang yang tidak mempunyai satu sistem yang khusus untuk diukur. Namun begitu pendefinisan yang paling hampir dan paling sesuai digunakan adalah dari Gates dan Stone (1997). Mereka membahagikan produktiviti kepada dua kriteria utama iaitu dari segi kecekapan dan keberkesanannya. Kecekapan dapat diukur daripada peningkatan nisbah output per unit input, manakala keberkesanannya dapat dilihat daripada kebolehan menepati kehendak masyarakat. Kecekapan dan keberkesanannya merupakan faktor utama utama dalam mengukur produktiviti pengarca. Pengarca perlu menjaga kualiti dalam penghasilan karya agar hasil karya mereka diterima masyarakat.

Kajian Kes Pengarca di Malaysia

Seni arca merupakan satu cabang disiplin seni visual yang wujud dalam perkembangan seni visual moden di Malaysia. Arca adalah hasil karya seni yang berbentuk tiga dimensi serta bersifat fizikal. Arca memerlukan ruang fizikal dengan pengolahan bahan dan teknik tertentu. Kewujudan pengarca di Malaysia dengan karya yang pelbagai dan menarik, namun dalam masa yang sama menimbulkan persoalan bagaimana kerja dan produktiviti mereka.

Kecekapan Kos Pengarca

Untuk mengukur produktiviti pengarca, “*output*” merujuk kepada penghasilan arca manakala “*input*” pula merujuk kepada segala kos yang ditanggung oleh pengarca. Namun, ukuran produktiviti hanya dapat dikesan melalui penambahbaikan produktiviti dan ia hanya wujud dalam dua situasi iaitu apabila berlakunya penambahan bilangan arca dengan kos yang sama ataupun penambahan bilangan arca dengan kos yang berkurangan.

Dalam bidang pengarcaan, penggunaan bahan, teknik dan penghasilannya adalah berbeza bagi setiap karya. Ia bergantung kepada permintaan dan idea pengkarya tersebut. Keadaan ini membuatkan

ianya sukar untuk diukur. Perkara yang perlu dilihat untuk mengukur tahap produktiviti pengarca perlu dilihat adalah kecekapan dan keberkesanan setiap karya. (Lihat Carta 1.1)

Jadual 1.1 : Cara Pengiraan Produktiviti Pengarca.

$$\text{Produktiviti} = \text{Kecekapan} + \text{Keberkesanan}$$

Produktiviti pengarca diukur dari segi kecekapan penghasilan karya dan keberkesanan hasil karya. Ini akan dapat melihat sejauh mana aktiviti pengurusan, kecekapan dan keberkesanan dalam aktiviti penghasilan karya.

Kecekapan dalam Aktiviti Pengurusan

Aktiviti pengurusan termasuk segala pengurusan hal ehwal operasi pengarca. Kecekapan dalam aktiviti pengurusan akan melihat kepada kos operasi serta jumlah arca.

Kos Operasi

Kos operasi merupakan jumlah kos yang ditanggung oleh pengarca ke atas operasi hariannya. Produktiviti boleh diukur dengan nisbah jumlah arca dengan jumlah kos operasi dan penambahan produktiviti akan berlaku jika pengarca dapat mengekalkan atau mengurangkan kos apabila bilangan arca bertambah. Contoh kos operasi pengarca ialah kos upah dan sewa. Hasil dari pemerhatian penyelidik, kebanyakan pengarca tidak mengupah untuk mendapatkan kepakaran dalam sesuatu teknik. Sebaliknya, kebanyakan karya yang dihasilkan adalah mengikut kemampuan pengkarya itu sendiri. Namun begitu bagi karya yang

bersaiz besar serta memerlukan penggunaan mesin besar, pengarca akan mengupah industri untuk menghasilkan karya mereka. Bagi ruang bengkel atau studio pula, penyelidik mendapati kebanyakan pengarca menyewa ruang tersebut. Ini menunjukkan ketidakcekapan dalam produktiviti dan secara tidak langsung mengurangkan produktiviti dalam penghasilan karya mereka. Untuk menaikkan produktiviti pengarca, pengarca harus mempelajari dan perlu mahir dalam pelbagai bidang teknikal. Manakala bagi ruang pula, pengarca perlu mencari jalan lain seperti membuat studio di rumah atau memiliki ruang studio atau bengkel sendiri.

Pelaburan Aset Tetap (Pada Kos)

Produktiviti dapat diukur dengan menggunakan nisbah jumlah arca dengan jumlah kos pengeluaran. Kos ini merangkumi segala perbelanjaan yang ditanggung oleh pengarca ke atas perbelanjaan aset tetap seperti pengubahsuaian studio/bengkel dan pembelian mesin. Produktiviti boleh ditingkatkan bila pengarca dapat menambah penghasilan dan penjualan arca tanpa perlu penambahan kepada kos aset tetap.

Nisbah Arca Dengan Kos Pengeluaran

Salah satu petunjuk yang digunakan untuk menunjukkan kecekapan dalam aktiviti penghasilan arca ialah nisbah arca dengan kos pengeluaran. Produktiviti hanya akan dicapai sekiranya peratusan tambahan bilangan arca melebihi peratusan kos pengeluaran. Ini kerana apabila bilangan arca semakin meningkat, pengarca juga menambahkan kos pengeluaran. Jadi, penambahbaikan produktiviti dalam nisbah arca dengan kos pengeluaran bukan disebabkan peningkatan keluaran. Sementara itu, kos pengeluaran dibahagi kepada dua kumpulan iaitu pengeluaran dari segi upah dan tenaga kerja. Hasil kajian menunjukkan bahawa produktiviti bagi nisbah arca dengan kos pengeluaran menunjukkan trend tidak tetap sejak tahun 2000. Ini bermakna

produktiviti pengarca juga tidak tetap. Ketidaktetapan ini disebabkan oleh penghasilan arca yang tidak menggunakan bahan dan teknik yang sama. Dalam tempah 5 tahun, pengarca C menghasilkan lebih dari 20 karya. Pada tahun 2007, beliau telah menghasilkan sebanyak tiga karya dengan kos anggaran RM600.00 bagi setiap arca dihasilkan. Pada tahun 2010, beliau telah menghasilkan lima karya dengan kos RM1 200.00 setiap arca yang dihasilkan (Lihat Carta 1.2). Ini menunjukkan bahawa kejatuhan produktiviti pengarca tersebut kerana kos pengeluaran adalah melebihi nisbah arca yang dihasilkan.

Jadual 1.2 : Anggaran Kos Operasi Pengarca Hasil Dari Temubual Yang Dijalankan.

Kos Operasi (sepanjang tempoh berkarya sehingga 2012)	Tahun Mula Berkarya	Karya yang dihasilkan pada tahun 2007	Kos Anggaran sebuah arca pada tahun 2007 (RM)	Anggaran Kos keseluruhan pada tahun 2007 (RM)	Karya yang dihasilkan pada tahun 2010	Kos Anggaran sebuah Arca pada tahun 2010 (RM)	Anggaran kos keseluruhan 2010 (RM)
Pengarca A	1999	2	350	700	2	375	750
Pengarca B	1995	3	423	1270	2	660	1320
Pengarca C	2006	3	200	600	5	240	1200
Pengarca D	2003	3	1413	4240	1	1520	1520

Oleh kerana nisbah arca tidak terlibat langsung dalam aktiviti penghasilan arca maka tambahan kos pengeluaran adalah tidak cekap bagi pengarca dalam pengurusan buruhnya.

Kecekapan Dalam Aktiviti Penghasilan Arca

Kecekapan dalam aktiviti penghasilan arca akan mengukuhkan perbelanjaan ke atas pembelian bahan mentah dan kos buruh.

Perbelanjaan Bahan Mentah

Perbelanjaan bahan mentah adalah berdasarkan kepada bahan yang dibeli untuk pembinaan sesuatu arca. Produktiviti adalah dihitung dengan membahagikan jumlah karya arca dengan jumlah perbelanjaan. Tujuan indikator ini adalah untuk menunjukkan pelaburan pengarca dalam aktiviti penghasilan karya arca. Berdasarkan perbincangan dan pengamatan sepanjang penyelidikan dijalankan, penyelidik mendapati wujud trend ketidakstabilan dalam perbelanjaan bahan mentah. Pengarca perlu mmendapatkan segala keperluan dalam kuantiti yang kecil. Ini merupakan penambahan kos dalam penghasilan sesuatu karya. Seseorang pengarca perlu menyediakan segala kelengkapan bagi menghasilkan sebuah arca. Keadaan ini sebenarnya menunjukkan kejatuhan produktiviti bagi perbelanjaan. Ini disebabkan oleh peratusan tambahan bilangan arca adalah kecil berbanding dengan peratusan tambahan perbelanjaannya. Sebagai jalan penyelesaian berkemungkinan pengarca perlu berurusan dengan industri yang berkemampuan dalam keperluan mesin dan tenaga buruh bagi menghasilkan karya arca yang dicadangkan. Namun begitu, pemerhatian dan pemantauan dari pengarca adalah sangat diperlukan bagi memastikan hasilnya menepati kehendak pengarca.

Keberkesanan Pengarca

Tujuan asal penubuhan Balai Seni Visual Negara adalah untuk melahirkan lebih ramai pengiat seni visual yang berkualiti supaya dapat membanggunkan ekonomi negara. Pengarca memerlukan Balai Seni Visual Negara untuk mempromosi dan membawa bidang seni visual ke tahap yang lebih tinggi serta menjadi perantara antara pengarca dengan kerajaan. Kedua-duanya memainkan peranan masing-masing dan saling memerlukan antara satu sama lain. Bagi melihat keberkesanan sistem pengurusan pengarca, kualiti dan penerimaan masyarakat perlu diambil kira. Keberkesanan pengarca akan dapat dilihat bila masyarakat menerima hasil karyanya. Bagi memastikan sesebuah karya itu diterima

masyarakat, pengarca perlu menjaga kualiti agar karya yang dihasilkan sentiasa bermutu. Pengarca perlu sentiasa memastikan sistem pengurusan mereka diuruskan dengan sempurna. Ini bagi memastikan segala proses berjalan dengan lancar dan terurus.

Berbeza dengan kecekapan, analisis keberkesanan akan melihat perubahan trend sahaja kerana keberkesanan seseorang pengarca tidak dapat diukur dengan nisbah *output* dan *input*. Sebaliknya bahagian ini akan menfokus kepada kemudahan mendapat pasaran. Data penyelidikan diperolehi daripada temubual dengan pengarca. Pameran arca hanya sekali sahaja dianjurkan oleh Balai Seni Lukis Negara iaitu pada tahun 1997. Namun begitu, terdapat beberapa galeri swasta yang mengadakan beberapa siri pameran arca. Ini termasuklah galeri Petronas, Matahati (HOM), Candan dan Pelita Hati.

Berdasarkan pemerhatian sepanjang penyelidikan dijalankan, penyelidik mendapati kebanyakkan pengarca memperolehi pelangan dalam masa enam hingga dua belas bulan dari mereka aktif berkarya. Peratusan bagi tempoh masa ini semakin meningkat. Peningkatan ini amat menggalakkan kerana semakin singkat tempoh seorang pengarca mendapatkan pelanggan, semakin tinggi keyakinan kebolehdapatan pelanggan. Maka, ini telah menunjukkan bahawa kemahiran kebolehdapatan pelanggan oleh kebanyakkan pengarca adalah tinggi. Namun, perkara ini diberi perhatian yang serius kerana bilangan graduan yang tamat pengajian akan memasuki bidang pekerjaan tersebut. Justeru itu, akan berlaku persaingan antara pengarca dalam mendapatkan pelanggan. Oleh yang demikian setiap pengarca perlu memastikan mereka mempunyai sistem pengurusan yang baik serta memastikan karya yang dihasilkan juga berkualiti.

Kesimpulan

Pada dua dekad dahulu, kebanyakkan pengarca Malaysia sukar untuk mendapatkan pelanggan. Pengarca perlu bersaing untuk mendapat seorang pelanggan kerana permintaannya adalah terhad. Namun,

keadaan pada hari ini sudah berubah kerana pengarca-pengarca harus bersaing antara satu sama lain untuk mendapatkan seorang pelanggan dan pasaran yang lebih baik pada masa hadapan. Hanya pengarca yang produktif saja yang akan mendapat pelanggan. Mereka yang tidak produktif akan menghadapi persaingan di kalangan mereka sendiri. Malah, mereka juga akan menghadapi persaingan yang hebat daripada pengarca luar. Permasalah pengarca boleh dirumuskan kepada empat aspek utama iaitu komunikasi, pemikiran, perancangan serta penumpuan.

- i. Kekurangan dalam komunikasi yang berkaitan promosi dan pendedahan.
- ii. Kekurangan dalam pemikiran untuk maju dan bersaing
- iii. Kekurangan dari aspek pengurusan diri dan hala tuju.
- iv. Kekurangan penumpuan memberi sesuatu yang berkualiti.
- v. Kekurangan penumpuan dalam membuat perancangan.
- vi. Kekurangan penumpuan dalam pemilihan keutamaan.
- vii. Kekurangan penumpuan yang jelas dari segi pekerjaan.
(Kebanyakan pengarca membuat arca secara sambilan sahaja)

Kecekapan pengarca boleh diukur dengan nisbah *output* dan *input*. Ia mudah diukur kerana ianya jelas dan mudah difahami. Manakala keberkesanan seseorang pengarca hanya dapat dilihat dari segi kemahiran pengurusan, kreativiti serta penerimaan masyarakat. Kemahiran pengurusan dan kreativiti adalah kualiti dan ianya bersifat tidak jelas dan sukar untuk difahami. Untuk memudahkan menilai kualiti pengarca maka pengkajian terhadap pengarca perlu diperbanyak dan perlu wujudnya satu badan yang boleh mengawal selia pengkalan data pengarca. Dengan adanya badan yang bertanggungjawab utnuk mengawal selia pengkalan data pengarca maka mudah untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan pengarca. Maklumat yang diperolehi perlu dianalisis supaya dapat melihat kemahiran pengurusan dan pentadbiran pengarca.

Sebagai rumusan, pengarca memerlukan satu sistem tadbir urus

yang lebih berkesan dalam bidang seni visual. Produktif bukan hanya perlu cekap dalam pengurusan kos dan *output* sahaja, apa yang lebih penting adalah dapat memenuhi keperluan masyarakat.

Bibliografi

- Balai Seni Lukis Negara. 2010. Rang Undang-Undang Lembaga Pembanggungan Seni Visual Negara 2010. Dimuat turun pada 17 Januari 2011 daripada http://www.artgallery.gov.my/web/guest/akta_tubuh.
- Balai Seni Visual Negara. 2010. *Bengkel / Dialog Penggiat Galeri Dan Penggiat Seni Tampak Bersama Bsnl 04 Jun 2008.National Art Gallery's Dinner Dialogue With Arts Activists And Ngo's*, Dimuat turun pada 1 Mei 2010 daripada <http://www.artgallery.gov.my>.
- Balai Seni Lukis Negara. 2000. Katalog Pameran Bakat Muda Sezaman, Kuala Lumpur 2000
- Balai Seni Lukis Negara. 2002. Katalog Pameran Bakat Muda Sezaman, Kuala Lumpur 2002.
- Balai Seni Lukis Negara. 2004. Katalog Pameran Bakat Muda Sezaman, Kuala Lumpur 2004.
- Balai Seni Lukis Negara. 2006. Katalog Pameran Bakat Muda Sezaman, Kuala Lumpur 2006.
- Balai Seni Lukis Negara. 2010. Katalog Pameran Bakat Muda Sezaman, Kuala Lumpur 2010.
- Chan Lee Yee dan Norehan Abdullah. 2007. Produktiviti Bagi Sistem Pengajian Tinggi di Malaysia. Dimuat turun pada 12 Mac 2012 daripada [http://web.usm.my/km/25\(2\)2007/01274082_25.2.2007_75-120.pdf](http://web.usm.my/km/25(2)2007/01274082_25.2.2007_75-120.pdf).
- Gates, S. dan Stone, A. 1997. Understanding Productivity in Higher

Produktiviti VS Pengarca Di Malaysia

Education. Dimuat turun pada 14 Jun 2012 daripada
<http://www.ucop.edu/acadinit/mastplan/ProjectH.pdf>

Imam Ghazali. 1988. *Ihya Ulumiddin*: Jilid 1, Singapura: Pustaka National Pte Ltd.

Jabatan Perangkaan Malaysia. 2011. *Statistik Penduduk Malaysia*. Dimuat turun pada 2 November 2011 daripada:
<http://www.statistics.gov.my/portal/index.php?lang=bn>

Kamus *Oxford Advanced Learner's Dictionary*. 2005. Oxford: Oxford University Press.

Kamus Dewan. Edisi ke-3. 2002. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Penerangan, Komunikasi & Kebudayaan, Dasar Industri Kreatif Negara, 2011

Tangen, S. 2005. Professional Practice Demystifying productivity and performance. International Journal of Productivity and Performance Management, 54(1). Dimuat turun pada 18 Januari 2013 daripada
http://www.woxencentrum.iip.kth.se/documents/publications/articles/art_Tangen2005DemystifyingProductivityAndPerformance.pdf.